



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : AMALAN IKHTISAS**  
**KOD KURSUS : DSB2123**  
**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2019**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (25 Markah)  
BAHAGIAN B (45 Markah)  
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

○

○

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **LIMA(5)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Senaraikan **lima(5)** sumber rujukan kepada Juruukur Bahan berkaitan dengan bahan dan mutu kerja.

(5 markah)

**SOALAN 2**

Lakarkan **satu(1)** carta organisasi tapak bina bagi sesuatu projek pembinaan.

(5 markah)

**SOALAN 3**

Berikan **lima(5)** elemen susun atur di tapak bina.

(5 markah)

**SOALAN 4**

Nyatakan **lima(5)** fasa aktiviti reka bentuk bagi sesuatu projek.

(5 markah)

**SOALAN 5**

Senaraikan **lima(5)** kandungan Dokumen Meja Tender.

(5 markah)

**[25 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **LIMA(5)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Senaraikan **tiga(3)** aspek yang mempengaruhi Kelulusan Pelan Bangunan.  
(3 markah)
- b. Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan atau dikenali dengan nama '*Certificate of Completion and Compliance (CCC)*' merupakan satu sijil perakuan kelulusan bangunan. Terangkan **tiga(3)** tujuan pelaksanaan CCC.  
(6 markah) ○

**SOALAN 2**

- a. Berikan **tiga(3)** kerja yang perlu dilakukan oleh pihak Konsultan dalam Proses Pembayaran Kemajuan Kerja Tapak.  
(3 markah)
- b. Berikan definisi istilah-istilah berikut:
- i. Sijil Penyiapan Praktikal (*Certificate of Practical Completion-CPC*)
  - ii. Tempoh Tanggung Kecacatan (*Defects Liability Period- DLP*)
  - iii. '*Liquidated and Ascertained Damages*' (LAD)
- (6 markah) ○

**SOALAN 3**

- a. Nyatakan **tiga(3)** elemen yang perlu dipantau oleh Kontraktor Utama dalam kerja-kerja Subkontraktor.  
(3 markah)
- b. Terangkan **tiga(3)** hak dan tanggungjawab kontraktor terhadap konsultan bagi projek pembinaan.  
(6 markah)

**SOALAN 4**

- a. Nyatakan **tiga(3)** dokumen yang perlu disediakan dalam proses Pra Pembinaan bagi sesuatu projek.

(3 markah)

- b. Terangkan **tiga(3)** jenis insurans yang perlu diambil oleh Kontraktor sebelum memulakan sesuatu projek pembinaan.

(6 markah)

**SOALAN 5**

- a. Senaraikan **tiga(3)** kesan kemalangan fizikal yang sering berlaku di tapak bina.

(3 markah)

- b. Huraikan **tiga(3)** tujuan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994 (OSHA 1994) diwujudkan.

(6 markah)

**[45 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA(2)** soalan, jawab **SATU(1)** soalan sahaja.

Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Perubahan kerja merupakan sesuatu yang berubah dari kontrak asal. Walaupun perubahan kerja ini dibenarkan, namun ia perlu dikawal kerana perubahan yang berlaku boleh mengganggu perancangan kerja serta kos dan masa. Berdasarkan situasi di atas, huraikan **lima(5)** sebab berlakunya sesuatu perubahan kerja.

(10 markah)

- b. Sebagai seorang Arkitek yang ditugaskan untuk mengendalikan sesuatu projek, bincangkan tindakan yang akan anda lakukan sekiranya menghadapi pelbagai perubahan permintaan klien dari segi perubahan pintu kayu kepada pintu kaca dan permintaan untuk pertambahan satu ruang tidur?

(20 markah)

**SOALAN 2**

- a. Sebagai seorang Arkitek, terangkan **lima(5)** aspek risiko yang boleh berlaku jika tapak bina tidak diperiksa dengan sebaiknya sebelum mengeluarkan Sijil Tamat Kerja kepada pihak Kontraktor.

(10 markah)

- b. Sijil Tamat Kerja adalah sijil yang dikeluarkan oleh pihak Arkitek kepada pihak kontraktor utama setelah Arkitek berpuas hati dengan kualiti kerja kontraktor dengan kadar kecacatan bangunan yang minimum. Sebagai seorang Arkitek bagi sebuah projek, huraikan proses yang akan dilalui bagi mencapai status Penyerahan Sijil Tamat Kerja.

(20 markah)

**[30 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**